



**APLIKASI MOTIF SENI BINA RUMAH CINA
PERANAKAN SEBAGAI REKAAN CORAK
KAIN BATIK SARUNG MELALUI BATIK
BLOK**

Oleh

NURUL ATHIRAH BINTI KHAIRUDIN

**IJAZAH SARJANA MUDA TEKNOLOGI KREATIF DAN
WARISAN**

FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN

2020/2021

PERAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

athirah

Tandatangan

Nama pelajar : Nurul Athirah Binti Khairudin

No. Matrik : C17A0281

Tarikh : 29/7/2021

Disahkan oleh:

Tandatangan Penyelia

Nama penyelia :

Cop :

Tarikh :

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji ke hadrat Ilahi di atas limpahan rahmat dan inayah-Nya, dapatlah menyiapkan kajian ini. Selawat dan salam ke atas rasul junjungan kita Nabi Muhammad S.A.W.

Pada kesempatan yang penuh bermakna ini, pengkaji ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Dr Hanisa Binti Haji Hassan selaku Dekan FTKW UMK Bachok dan Dr Norhasliyana Hazlin Binti Zainal Amri sebagai penyelia projek penyelidikan yang telah memberi tunjuk ajar dan sokongan moral kepada pengkaji semasa menyiapkan tugas ini. Tidak dilupakan kepada ahli keluarga pengkaji yang selalu bagi kerjasama dan galakan untuk terus bersemangat menjalankan kajian ini..

Pada kesempatan ini juga, terima kasih diucapkan kepada pihak Gahara Golore banyak bagi idea dan bantuan sepanjang penyelidikan ini. Pengkaji juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada En. Faiz selaku Pengarah Kreatif Gahara Galore kerana memberi idea dan ilmu tentang batik sepanjang pengkaji menyiapkan kajian yang dihasilkan . Selain itu, pengkaji juga menghargai sangat kepada semua ahli pekerja Gahara Golore yang turut terlibat sama memberi kerjasama kepada pengkaji.

Tidak Ketinggalan juga kepada sahabat-sahabat, terima kasih diucapkan kerana sudi memberi bantu kepada pengkaji. Semoga segala usaha dan cita-cita kita diberkati Allah hendakNya. Pengkaji juga berterima kasih kepada Encik Cheng

selaku timbalan setiausaha Persatuan Cina Peranakan Kelantan yang banyak memberi maklumat tentang kajian yang dijalankan.



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

ABSTRAK

Projek penyelidikan ini merupakan kajian yang ingin dikaji oleh pengkaji dimana tajuknya adalah Aplikasi motif seni bina ruma cina peranakan sebagai rekaan corak kain batik sarung melalui Batik Blok. Dalam kajian ini, pengkaji memfokuskan kepada motif seni bina rumah cina peranakan sebagai rekaan corak kain batik sarung dan Batik Blok. Hal ini kerana ianya merupakan fokus utama pengkaji untuk menghasilkan produk kain batik sarung untuk golongan muda masyarakat cina peranakan. Permasalahan dalam kajian ini adalah kurang dihargai oleh generasi muda Cina Peranakan Kelantan mungkin disebabkan oleh persepsi umum masyarakat Kelantan yang melabelkan mereka sebagai cina kampung atau cina bukit. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji tentang motif seni bina rumah cina peranakan dalam penghasilan rekaan corak kain batik sarung, untuk mengetahui proses dalam penghasilan rekaan corak batik melalui teknik blok dan untuk menghasilkan produk kain batik sarung dengan menggunakan teknik batik blok. Oleh itu, pengkaji berharap penyelidikan ini boleh dijadikan panduan kepada pengusaha batik agar dapat mengekalkan motif Seni Bina Rumah Cina Peranakan ini sebagai rekaan corak kain batik sarung untuk masyarakat cina peranakan itu sendiri serta dapat dijadikan bahan rujukan kepada pengkaji yang akan datang.

Kata kunci: Motif Seni Bina Rumah Cina Peranakan, reka corak, Kain Sarung, Batik Blok,

ABSTRACT

This research project is a study that the researcher wants to study whose title is Application of Peranakan Chinese house architectural motifs as a design of batik sarong fabric pattern through Batik Blok. In this study, the researcher focuses on the architectural motifs of Peranakan Chinese houses as the design of batik sarong and Batik Blok fabrics. This is because it is the main focus of researchers to produce sarong batik fabric products for the young Chinese Peranakan community. The problems in this study are underappreciated by the younger generation of Kelantan Peranakan Chinese may be due to the general perception of the Kelantanese community who label them as village Chinese or hill Chinese. The objective of this study is to study the architectural motifs of Peranakan Chinese houses in the production of batik sarong pattern designs, to know the process in the production of batik pattern designs through block techniques and to produce batik sarong products using block batik techniques. Therefore, the researcher hopes that this research can be used as a guide for batik entrepreneurs in order to maintain the motif of Peranakan Chinese House Architecture as a design of sarong batik fabric pattern for the Peranakan Chinese community itself and can be used as reference material for future researchers.

Keywords: Peranakan Chinese House Architecture Motif, pattern design, Sarong Fabric, Batik Block,

SENARAI KANDUNGAN

NO.	PERKARA	HALAMAN
	TAJUK	
	PENGHARGAAN	i-ii
	ABSTRAK	iii
	ABSTRACT	iv
	KANDUNGAN	v-vii
BAB 1	PENDAHULUAN	
	1.0 Pengenalan	1-3
	1.1 Latar Belakang Kajian	3-5
	1.2 Pernyataan Masalah	5
	1.3 Persoalan Kajian	5-6
	1.4 Objektif Kajian	6
	1.5 Istilah dalam Kajian	6-8
	1.5.1 Batik Blok	6
	1.5.2 Reka Corak	6
	1.5.3 Seni bina rumah Cina Peranakan	7-8
	1.5.4 Batik sarung	8
	1. 6 Hipotesis Kajian	8
	1.7 Manfaat Penyelidikan	9
	1.8 Rumusan	10

BAB 2	KAJIAN LITERATUR	
	2.0 Pengenalan	11
	2.1 Kajian Definisi	11
	2.1.2 Teori Penyelidikan Terdahulu	11-20
	2.2 Rumusan bab	21-22
 BAB 3	 METODOLOGI KAJIAN	
	3.0 Pengenalan	23
	3.1 Kaedah Kajian	23
	3.3.1 Kaedah Kualitatif	24
	3.2 Batasan Kajian	25
	3.2.1 Batasan Lokasi	25
	3.2.2 Batasan Umur	25
	3.2.3 Batasan Waktu	25
	3.3 Kaedah Pengumpulan Data	26
	3.3.1 Sumber Primer	26-27
	3.3.2 Sumber Sekunder	27-28
	3.4 Carta Metodologi	29
	3.5 Data Instrumen	23-31
 BAB 4	 PEMBANGUNANAN PRODUK	
	4.1 Pengenalan	31
	4.2 Pernyataan Pereka	32
	4.3 Pembangunan Idea	32

4.3.1 Subjek Kajian	33-34
4.3.2 lakaran motif	35-39
4.3.3 Moodboard	40
4.3.4 Olahan Peletakan Motif	41-42
4.4 Pemilihan material	43
4.5 Pemilihan warna	44
4.6 Proses Penghasilan Produk	45
4.6.1 Proses mengukur kain	45
4.6.2 Proses mengecop kain	46
4.6.3 Proses bancuhan warna	47
4.6.4 Proses mewarna atas kain	48-49
4.6.5 Proses mematikan warna	49-50
4.6.6 Proses merebus dan membasuh kain	50-51
4.6.7 Proses mengeringkan kain	52
4.7 Produk Akhir	53-56
4.8 Maklum Balas Hasil Produk Akhir	57

BAB 5

CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 Pengenalan	58
5.2 Cadangan	59
5.2.1 Pengkaji	58
5.2.2 Industri	59
5.2.3 Negara	59
5.3 Kesimpulan	60

RUJUKAN

61-62

LAMPIRAN



UNIVERSITI

MALAYSIA

KELANTAN

BAB 1

1.0 PENGENALAN

Secara umum, pengkaji ingin menjelaskan tentang maksud batik. Batik merupakan salah satu kraftangan yang unggul di Malaysia. Batik merupakan satu jenis kain yang dihasilkan melalui proses menerap lilin cair dan mencelup warna.

Seterunya, pengkaji ingin menjelaskan pula tentang jenis batik iaitu batik blok. Menurut catatan sejarah, batik blok diketahui telah wujud di Parsi dan Mesir sejak 2000 tahun yang lalu. Di negara China dan Jepun, corak batik telah digunakan sejak abad ketujuh dan kelapan manakala di Tanah Melayu, batik diperkenalkan semasa pemerintahan Parameswara di Melaka pada abad ke-15. Di Malaysia, kepentingan batik menjadi semakin jelas sejak beberapa tahun kebelakangan ini, terutama bagi mereka yang bekerja dengan agensi kerajaan dimana mereka memakai pakaian batik pada hari yang tertentu sebagai pakaian formal.

Selain itu, batik blok juga dikenali sebagai batik terap atau batik cop yang merupakan salah satu daripada perusahaan seni kraftangan tradisional yang terkenal di Malaysia. Sejarah perkembangan batik di negara ini dipercayai bermula sejak abad ke 15 Masihi dan terus berkembang terutamanya selepas tamat Perang Dunia Kedua. Pengusaha batik di Kelantan dan Terengganu merupakan perintis kepada perkembangan batik di negara ini. Batik keluaran tempatan, tinggi mutu ciptaan dan reka coraknya yang mempamerkan kemahiran dan kehalusan kerja tangan tukang-tukang batik setempat.

Di samping itu juga, batik blok ialah batik yang dihasilkan menggunakan blok atau cap. Batik blok juga dikenali sebagai batik terap, batik cap atau batik pukul. Ia adalah salah satu teknik yang terawal digunakan di Malaysia dalam penghasilan batik. Bongkah kayu yang diukir dengan corak-corak menggunakan teknik ukiran timbul dijadikan sebagai acuan atau blok untuk menerap kain. Teknik yang dikenali sebagai 'terap hitam' digunakan iaitu blok dicelup ke dalam pewarna hitam sebelum diterap ke atas permukaan kain.

Pengusaha batik blok di Kelantan dan Terengganu memberi idea baru kepada seni kemahiran warisan ini. Batik blok diterap di atas pelbagai jenis kain seperti sutera dan organza yang bukan sahaja cantik dijadikan kain sarung tetapi juga sebagai kelengkapan dan perhiasan rumah di samping mengekalkan ciri-ciri tradisional. Masyarakat Melayu Kelantan mula-mula mencuba dan menganyam kain kraf menggunakan bongkah kayu. Warna asas seperti hitam, merah dan biru digunakan dalam penghasilan kain batik blok atau batik cap.

Batik sarung adalah hasil kraf tangan pembatik yang menggunakan teknik terap atau stencil mengikut susunan corak ke atas kain. elemen kepala kain dihiasi dengan motif pucuk rebung atau jambangan bunga diapit dengan hiasan berkaki. badan kain dihiasi dengan kepelbagaian corak yang diadaptasikan daripada inspirasi motif alam semula jadi seperti flora dan fauna. manakala elemen kaki kain atau hiasan tepi kain disusun secara melintang atau menegak.

Cina Peranakan Kelantan merupakan satu-satunya kumpulan di Asia Tenggara yang berasimilasi dengan dua kumpulan pribumi rantau ini, iaitu bangsa Melayu serta bangsa Thai. Oleh itu, bahasa ibunda Cina Peranakan adalah satu

bahasa yang mempunyai pengaruh daripada dua bahasa lain iaitu bahasa Melayu Kelantan dan bahasa Thai Kelantan.

Selain itu juga, sebilangan besar orang Cina Peranakan di Kelantan tinggal di kawasan luar bandar sebagai petani atau penoreh getah. Walaupun generasi kemudian perlahan-lahan memilih cara lain untuk menjalankan sumber pendapatan mereka. Cina Peranakan ini juga masih tinggal di sekitar kampung mereka. Hal ini dapat dilihat bahawa komuniti itu mudah dijumpai di pinggiran Kelantan. Mereka menggabungkan gaya hidup mereka dengan penduduk tempatan sambil menyesuaikan adat istiadat tempatan.

1.1 LATAR BELAKANG PENYELIDIKAN

Dalam bab ini, pengkaji akan memberitahu tentang latar belakang penyelidikan dimana akan menunjukkan berkaitan tentang isu dalam tajuk kajian yang ingin dikaji. Batik blok dikenali juga sebagai batik terap atau batik cap. Ianya dihasilkan dengan menggunakan bongkah blok yang diterap di atas kain mengikut reka corak yang direkannya dengan menggunakan motif yang dipilih. Batik blok ini juga merupakan teknik yang terawal diperkenalkan di Malaysia dalam penghasilan batik. Blok yang diperbuat daripada sebarang kayu atau logam diukir dengan motif-motif bersesuaian untuk mengecap kain.

Selain itu, pengkaji ingin menjelaskan bahawa di Malaysia, batik dihasilkan dengan menggunakan beberapa teknik, proses dan gaya tertentu. Teknik paling awal yang digunakan adalah batik blok. Proses menghasilkan blok batik memerlukan peralatan asas yang disebut acuan atau sarang bunga yang dibuat daripada kayu.

Sarang acuan atau bunga ini dicelup hitam, teknik ini disebut 'Terap Hitam'. Pada tahun 1930-an, pengeluar batik di Pantai Timur mula memperkenalkan penggunaan lilin dalam proses pelapisan lilin. Pengilang blok batik mula menggunakan kepingan keluli seperti besi dan tembaga untuk membuat sarang bunga. Reka bentuk corak acuan yang diperbuat daripada keluli ini lebih kemas dan licin. Setiap acuan mempunyai reka bentuk yang berbeza untuk menghasilkan kesan hiasan yang lebih cantik dan menarik.

Motif adalah corak hiasan yang digunakan dalam proses melukis atau mengaplikasikan batik. Terdapat dua bentuk corak batik utama, iaitu corak organik dan corak geometri. Corak organik adalah unsur semula jadi seperti awan, tumbuh-tumbuhan, bunga dan haiwan. Dari Pucuk Rebung, Bunga Kenanga, Cempaka dan badan ibu tumbuhan yang lain. Tumbuhan ini biasanya terdapat pada kain batik lama. Baru-baru ini, kebanyakan pengusaha batik menggunakan motif tanaman seperti bunga raya, bunga anggerik dan bunga ros, dan mereka telah berubah dari masa ke masa. Dalam kajian yang ingin dikaji ini, pengkaji menggunakan pengaplikasian motif seni bina rumah cina peranakan sebagai rekaan corak kain batik sarung melalui batik blok.

Pengkaji ingin mengetengahkan tentang Cina Peranakan di Kelantan kerana pengkaji memilih seni bina rumah Cina Peranakan sebagai motif dalam menghasilkan rekaan corak kain batik sarung. Seni bina rumah cina Peranakan yang telah dipilih adalah seni bina berbentuk kelarai. Cina Peranakan ini sangat unik dan lain daripada yang lain. Mereka yang mengamalkan kehidupan dan budaya Melayu hingga ramai yang keliru sama ada mereka dengan berbangsa Melayu atau Siam.

Bukan setakat bahasa pertuturan, pakaian, makanan dan rupa paras tidak ada bezanya dengan orang Melayu. Kulit Cina Peranakan kebanyakannya sawo matang. Mata tidak terlalu sepet seperti kebanyakan orang Cina lainnya.

Lebih mengalirukan, bahasa Melayu loghat Kelantan mereka sangat pekat dan lancar. Ditambah dengan kain sarung yang tak lekang daripada tubuh, tambah menyukarkan untuk membezakan antara Cina Peranakan dan Melayu.

1.2 PERNYATAAN MASALAH

Antara pernyataan masalah yang dikenalpasti dalam kajian ini adalah:

- 1) Kurang dihargai oleh generasi muda Cina Peranakan Kelantan mungkin disebabkan oleh persepsi umum masyarakat Kelantan yang melabelkan mereka sebagai cina kampung atau cina bukit. (Hanisa, 2020)
- 2) Teknik batik blok semakin merosot kerana pembuatannya yang agak leceh (Abdul Rahman Yusof , 2019)
- 3) Budaya pemakaian kain batik sarung semakin berkurangan dan ditukar gaya pemakaiannya dengan lebih moden serta tidak sopan (Nur Hanisah, 2014)

1.3 PERSOALAN KAJIAN

Pengkaji telah mengenalpasti beberapa persoalan kajian. Berikut adalah antara persoalan yang berkait dengan tajuk kajian iaitu aplikasi motif bunga cempaka sebagai reka corak melalui batik blok atas kain :

- 1) Apakah sesuai motif seni bina rumah cina peranakan dijadikan sebagai rekaan corak atas kain batik sarung?
- 2) Bagaimanakah cara untuk menghasilkan rekaan corak atas kain sarung melalui teknik batik blok?
- 3) Bagaimanakah produk kain batik sarung dapat dihasilkan dengan menggunakan teknik batik blok?

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Terdapat beberapa objektif kajian yang berkaitan dengan tajuk kajian iaitu aplikasi motif bunga cempaka sebagai reka corak melalui batik blok atas kain. Antara objektif kajian ini adalah :

- 1) Untuk mengkaji tentang motif seni bina rumah cina peranakan dalam penghasilan rekaan corak atas kain batik sarung.
- 2) Untuk mengetahui proses dalam penghasilan rekaan corak batik melalui teknik blok.
- 3) Untuk menghasilkan produk kain sarung dengan menggunakan teknik batik blok?

1.5 ISTILAH PENYELIDIKAN

1.5.1 Batik Blok

Batik blok merupakan batik yang mempunyai corak pengulangan yang sama, yang diterap daripada blok kayu atau tembaga yang telah diukir. Tumpuan jenis batik ini adalah pada batik sarung atau kain untuk pakaian seragam. Ia timbul di sekitar tahun 1920, apabila Haji Che Su Ibrahim (di

Kelantan) dan Haji Ali (di Terengganu) bereksperimentasi dengan blok kayu untuk mencetak corak. Di perkembangan awal, blok dibuat menggunakan kayu dengan kemudian perkembangan membawa kepada penggunaan blok tembaga. (Hani, 2015)

1.5.2 Reka Corak

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat pula, reka corak membawa maksud rancangan (corak, bentuk, dan sebagainya) yang menunjukkan susunan, struktur atau aspek-aspek sesuatu (binaan dan sebagainya).

1.5.3 Seni bina rumah cina peranakan

Rumah cina peranakan kelantan berbeza dibandingkan rumah cina kebanyakan termasuk peranakan baba nyonya Melaka, Singapura dan Pulau pinang kerana gabungan seni bina melayu dan cina itu telah membentuk satu konsep atau topografi yang sekali gus mencerminkan kehidupan serta cara hidup mereka yang telah banyak menyerap pengaruh budaya melayu setempat.

Seperti rumah tradisi melayu, rumah cina peranakan kelantan juga sebahagiannya menggunakan kayu cengal. Selain mudah diperoleh di hutan berhampiran, ia adalah spesis kayu lasak serta mampu bertahan untuk tempoh lama sehingga boleh diwarisi ke beberapa generasi.

Di samping itu, bagi memulakan proses pembinaan, tukang rumah akan masuk ke hutan untuk memilih kayu. Mereka akan menggunakan kerbau untuk dibawa keluar dari hutan kayu tersebut. Mereka juga akan mengetam

kayu tersebut secara manual dengan menggunakan kapak. Secara tidak langsung, hal ini dapat menjelaskan mengapa rumah cina peranakan Kelantan kebiasaannya mengambil tempoh yang panjang sehingga beberapa tahun untuk disiapkan.

1.5.4 Batik sarung

Batik sarung merupakan sehelai kain kosong yang membuat corak diatasnya. Batik sarung ini juga terdapat beberapa bahagian iaitu badan kain, gunung kain, dan kepala kain.

1.6 HIPOTESIS KAJIAN

Hipotesis kajian ini merupakan andaian yang dapat di buat oleh pengkaji dalam kajian yang ingin dikajinya. Antaranya adalah:

- 1) Dapat menyumbang idea kepada orang lain tentang pengaplikasian motif seni bina rumah cina peranakan melalui batik blok.
- 2) Dapat menaikkan semula teknik batik blok ini terutama dalam kalangan generasi muda agar tidak ditelan zaman.
- 3) Dapat menarik perhatian golongan muda dengan penghasilan produk kain bercorak batik blok yang akan dijadikan sebagai kain batik sarung untuk golongan muda masyarakat cina peranakan.

1.7 MANFAAT PENYELIDIKAN

Kajian ini dapat memberikan manfaat kepada orang lain. Terdapat beberapa manfaat yang dikenalpasti oleh pengkaji dari sudut pengkaji itu sendiri, masyarakat dan negara. Antara manfaatnya adalah pengkaji dapat mendidik diri dengan menanam sifat yang cinta terhadap batik. Hal ini menyebabkan pengkaji telah memilih batik blok dalam kajiannya dengan aplikasi motif seni bina rumah cina peranakan Kelantan. Secara tidak langsung, apabila pengkaji membuat kajian berkaitan batik blok ini ianya akan dapat mempelajari proses membuat batik dari pembatik-pembatik yang professional nanti. Selain itu juga, manfaat kepada pengkaji ini adalah pengkaji akan boleh menarik orang lain untuk minat dengan batik ini apabila pengkaji nanti sudah tahu dengan lebih banyak berkaitan dengan batik blok ini.

Seterusnya, dalam kajian ini memberi manfaat kepada masyarakat. Masyarakat pada zaman ini terutamanya golongan muda, mereka tidak berapa minat dengan batik ini dalam memperagakan pakaian yang bercorak batik. Jadi, dengan adanya kajian yang berkaitan batik blok ini, ianya dapat menarik golongan muda untuk gemar dalam pemakaian kain batik sarung yang menggunakan teknik batik blok serta bermotifkan seni bina rumah cina peranakan. Pengkaji memilih seni bina rumah cina peranakan kerana pengkaji mendapat maklumat bahawa masyarakat cina peranakan ini tiada kain batik mereka tersendiri. Jadi, secara tidak langsung ianya juga dapat menonjolkan motif tersebut untuk disesuaikan kepada golongan cina peranakan kelantan ketika memakai kain batik sarung tersebut. Di samping itu, batik blok ini tidak akan ditelan zaman kerana ianya juga dapat mewujudkan tenaga mahir dalam bidang membatik. Hal ini kerana pada masa kini tidak ramai golongan

muda yang minat dalam bidang membatik ini. Mereka lebih berminat bekerja syarikat-syarikat di bandar. Oleh sebab itu, pengusaha batik terutama batik blok semakin kurang tenaga muda yang mahir dalam membuat batik.

Manfaat penyelidikan seterusnya adalah ianya dapat memberi manfaat kepada negara. Hal ini kerana apabila banyak pengeluaran produk yang berasaskan batik ini secara tidak langsung ianya dapat menjana pendapatan ekonomi negara. Pengeluaran produk yang berasaskan batik ini boleh dipasarkan sehingga ke luar negara serta orang negara luar juga dapat melihat produk batik yang dihasilkan oleh pembatik dari negara Malaysia ini.

1.8 RUMUSAN BAB

Kesimpulannya, warisan batik harus dikekalkan agar tidak ditelan zaman. Dalam bab kajian yang ingin dikaji ini diharapkan ianya dapat memberi manfaat kepada orang lain kerana ianya ingin menaikkan semula penggunaan batik blok dalam kalangan golongan remaja agar tidak dilupai warisan nenek moyang yang memulakan warisan batik ini. Pengkaji ini akan menghasilkan produk kain batik sarung untuk masyarakat Cina Peranakan dengan adanya reka corak yang diaplikasikan dari motif seni bina rumah Cina Peranakan yang menggunakan teknik batik blok.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.0 PENGENALAN

Dalam bab ini, pengkaji menceritakan mengenai kajian literatur. Kajian ini juga dikenali sebagai kajian pustaka atau kajian lepas. kajian pustaka merupakan karya-karya penyelidik yang telah banyak melakukan kajian mengenai batik. Kajian literatur merupakan asas yang sangat penting kepada pengkaji agar kajian ynag dilakukan mempunyai garis panduan dan juga sumber rujukan yang tepat.

Di samping itu, melalui kajian literatur ini pengkaji juga dapat mengenal pasti kelemahan dan kekuatan setiap kajian literatur yang seterusnya dapat dimanfaatkan ke dalam penulisan pengkaji. Oleh itu, kajian literatur adalah penting kerana dapat dimanfaatkan daripada beberapa aspek sebagai panduan dan rujukan untuk pengkaji dalam menyiapkan kajian ini.

2.1 KAJIAN DEFINISI

2.1.1 MOTIF

Motif bermaksud dasar ataupun corak pada lukisan, ukiran, kraf, seni dan lain-lain lagi. Bagi kraf dan juga seni, motif biasanya dikaitkan dengan pelbagai maksud dan definisi. (Pustaka, Ensiklopedia Malaysia, 1996)

Menurut pengkaji Dr Abdul Rashid Ismail, beliau menulis dalam kajiannya bahawa motif-motif juga dihasilkan melalui cerita-cerita lama atau hikayat yang disampaikan oleh generasi terdahulu dan diadaptasikan dalam bentuk lakaran serta diaplikasikan dalam bentuk barangan kraftangan.

Menurut Siti Zainon Ismail (1986), terdapat gambaran bentuk motif yang direka berdasarkan pengalaman hidup atau apa yang dilihat dan dialami dalam persekitaran seharian. Awan yang biasanya dikaitkan dengan awan larat, ombak laut yang melambai-lambai, gunung-ganang, bukit-bukau dan sebagainya juga diubahsuai untuk menjadi motif.

Selain itu juga, Menurut Haziayah Russin (2006), secara keseluruhan motif tumbuh-tumbuhan adalah motif yang paling banyak dihasilkan. Motif ini diubah sehingga sukar untuk dikenali. Namun begitu, kebanyakan motif ini dengan kebijaksanaan dan kreativiti perekanya, masih mengekalkan identiti motif tersebut. Hal ini boleh dilihat dalam penggunaan motif 'bunga penuh' yang biasa dibuat di Terengganu dan Kelantan atau 'Bunga tabur' pula di Pahang. Teknik penghasilan juga berbeza daripada satu negeri dengan negeri yang lain bergantung kepada permintaan, kehendak dan selera masyarakat setempat.

Ku Zam Zam (1989) menjelaskan motif dan corak tidak memperlihatkan perbezaan yang ketara kerana kedua-dua elemen tersebut berfungsi sebagai bahan hiasan. Sesuatu bentuk corak akan tercipta pada sesuatu permukaan apabila beberapa bentuk motif itu disusun. Menurut Rabiatuadawiyah (2018), motif juga disebut sebagai gambar atau ciri yang digunakan untuk asas reka bentuk di mana ia akan diulang untuk menghasilkan corak.

Sebilangan penyelidik telah menyatakan bahawa yang mengandungi bunga dan daun terkenal sebagai motif yang menonjol dalam blok tradisional Melayu batik (Ismail, 1986). Sementara itu, yang lain menekankan bahawa reka bentuk abstrak dan geometri juga lazim dalam batik tradisional Melayu, selain dua motif yang disebutkan di atas (Akhir, Ismail, Said, & Kaliappan, 2016). Ini menunjukkan motif bunga sangat berkaitan dengan batik tradisional.

Di samping itu juga, motif merupakan sebahagian daripada imej yang dilihat oleh mata manusia. Pada jarak yang berbeza, satu imej yang sama mungkin akan dianggap atau mungkin kelihatan berbeza (Collingwood, 1938). Menurut Sarah Arney (1987), dalam penulisan beliau berjudul *Malaysian BATIK: Creating New Traditions* menjelaskan bahawa pembuatan batik Malaysia di abad ke-20 telah memperlihatkan tradisi baru bangsa Malaysia yang menampilkan jenis dan motif batik yang menjadi simbol perpaduan kepada bangsa dan berupaya mengekalkan nilai sebenar untuk terus diwarisi serta digemari oleh masyarakat yang menyokongnya.

Pengkaji juga ingin menyelitkan sedikit berkaitan reka corak dalam kajian ini kerana tajuk kajian yang ingin dikaji akan menjadikan motif bunga cempaka sebagai reka corak batik. Jadi, pengkaji memilih bunga cempaka ini kerana ianya merupakan salah satu bunga yang digunakan oleh pereka batik untuk menghasilkan batik tradisional pada zaman dahulu. Oleh itu, menurut Tuan Nuril Wahida Tuan azman (2009), beliau menjelaskan reka corak tradisional selalunya bersumberkan tumbuh-tumbuhan dari alam semula jadi seperti ombak air, awan, matahari, bulan dan sebagainya. Pereka batik akan mengolah motif-motif bersumberkan alam semula jadi ini menjadi reka corak dengan hiasan

yang ringkas mengikut kreativiti masing-masing. Reka corak yang diolah bersumberkan tumbuh-tumbuhan pada kebiasaanya adalah bunga teratai bunga raya, pucuk rebung, daun sireh, akar-akar menjalar dan pelbagai jenis lagi. Manakala sumber haiwan yang biasa diguna adalah unggas, rama-rama dan burung. Reka corak lain seperti awan larat, wayang kulit, wau, permandangan kampung juga menjadi inspirasi untuk penghasilan reka corak yang menarik. Reka corak ini menggambarkan nilai-nilai yang terdapat pada kebudayaan masyarakat Melayu tempatan. (Juhairi Azmi et al., 2009) bertajuk "Seni Kraf Batik: Motif & Teknik"

2.1.3 BATIK

Batik ialah menulis titik-titik tulisan, bunga-bunga atau lain-lain motif pada permukaan kain. Motif-motif batik sentiasa berubah-ubah mengikut peredaran zaman. Berasal daripada perkataan Indonesia 'amba' yang bermaksud menulis, dan bahasa Melayu 'titik' yang digabungkan menjadi 'batik' iaitu dengan menulis titik-titik yang menyerupai bunga-bunga dan lain-lain motif kecil di atas permukaan kain putih. Seterusnya, teknik untuk menghasilkan motif-motif akan bergantung kepada zaman dan ruang. (Abdullah Mohamed, 1990)

Selain itu, perkataan batik berkait rapat dengan perkataan dalam bahasa Melayu iaitu "titik" dan perkataan Jepun "ambo" yang bermaksud melukis. Melalui gabungan maksud melukis titik tersebut maka terhasilnya nama batik. Namun terdapat pendapat yang mengatakan bahawa batik berasal daripada bahasa Jawa iaitu "ba" dan "tik" yang bermaksud setitik lilin. (Jasiman Ahmad, 2001)

Seterusnya, perkataan batik juga dikatakan berasal dari bahasa Indonesia yang bermaksud pakaian yang mempunyai titik-titik kecil. Perkataan 'tik' bermaksud 'titik'. Terdapat juga yang menyatakan bahawa perkataan batik berasal dari bahasa Jawa iaitu 'ba' dan 'tik' yang bermaksud setitik lilin (Siti Zainon Ismail, 1986). Menurut Eloise Piper (2001), dalam penulisannya berjudul BATIK: for Artist and Quilters pula menyatakan bahawa batik berasal dari perkataan Jawa yang bermaksud lukisan berasaskan pengilat berlilin yang menggunakan satu kaedah tradisional bagi menghasilkan tulisan bergambar atau motif yang timbul di permukaan tekstil atau kain. (Jurnal Pengajian Melayu, 2019)

Berdasarkan pengkaji terdahulu ini, batik bermaksud menulis titik-titik atau dalam erti kata yang lain adalah berupa bunga-bunga dan lain-lain motif yang kecil di atas permukaan kain. Kemudian, teknik untuk mewujudkan motif-motif itu bergantung pada zaman dan ruang. Perusahaan batik di Malaysia ini dikategorikan kepada beberapa jenis iaitu Batik Blok, Batik Tulis, Batik Skrin serta Batik Pewarnaan Asli, dan setiap satunya mempunyai keistimewaan dan keunikan yang tersendiri. Perhatikan kepada ciri-ciri menarik pada tekstil ini, batik ditampilkan dalam pelbagai guna seperti fesyen tradisional dan kontemporari mahupun aksesori tambahan serta hiasan dalaman. (Siti Aisyah Amilin, Muammar Ghaddafi, 2018)

2.1.4 BATIK BLOK

Batik blok ini ialah batik yang dihasilkan menggunakan blok. Blok ini diperbuat daripada kepingan zink atau tembaga. Orang tua dulu-dulu, menggunakan ubi kentang sebagai blok. Namun begitu, ia berhenti menggunakan ubi kentang sebagai blok kerana ia sememangnya tidak tahan lama. Blok ubi kentang hanya boleh bertahan selama sehari kerana ia mudah rosak. Kemudian, mereka mula menggunakan kayu sebagai blok tetapi ia juga tidak bertahan lama kerana ia mudah patah apabila digunakan beberapa kali. Akhirnya, mereka menggunakan kepingan zink atau tembaga. Terdapat dua jenis blok yang digunakan di dalam proses batik blok iaitu padat dan artline. Apa yang membezakan dua jenis blok itu adalah design dalaman artline dapat diwarnakan manakala design dalam padat tidak boleh diwarnakan. (Noorarfa, 2018).

Menurut Encik Roslan, yang bertanggungjawab membuat batik blok, ketepatan membuat blok amat penting kerana ia akan mengekalkan konsistensi lilin apabila di atas fabrik.

Batik blok atau terap menggunakan teknik cop iaitu teknik lilin dengan blok cap dan pewarnaan secara celupan ke dalam pewarna. Kaedah ini digunakan untuk menghasilkan batik sarung dan batik lepas yang sangat popular dalam kegunaan harian bagi masyarakat Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Kaedah celupan hanya menjadikan warna lebih sekata walaupun terapan dan celupan ulangan boleh dibuat untuk mendapatkan warna akhir yang lebih banyak. Kaedah ini menjadikan proses pengeluaran batik terap dengan lebih cepat untuk permintaan pasaran. Kepingan-kepingan logam pada peringkat awal yang

diambil daripada tin-tin kosong yang terbuang akan dipotong untuk membuat blok cop dan menghasilkan corak-corak batik. Kepingan logam ini akan dibentuk dan dipateri menurut garis lakaran yang disediakan oleh pereka blok cop. Blok asas ini kemudiannya akan dilekatkan pada kepingan bingkai papan dan dipasangkan tangkainya. Sepasang (satu set) blok ini mengandungi beberapa bahagian yang merujuk kepada anatomi kain batik, terutamanya kain batik sarung. Penerap kadangkala mengambil bahagian-bahagian yang berasingan daripada satu pasang untuk membentuk corak yang berbeza. Blok yang telah siap ini akan menghasilkan satu kerja seni yang halus dan cantik. (Nik Yusnita, 2015)

Batik adalah salah satu teknik pengeluaran batik terawal di India. Bata yang terbuat dari kayu atau logam diukir dengan corak yang sesuai untuk merasakan kain ini disebut batik atau cap. Selain fabrik kapas, penggunaan kain sutera dalam penghasilan batik blok juga menghasilkan tekstil batik yang sesuai untuk rekaan yang bergaya dan hiasan rumah yang eksklusif. (Wan Nur Asyikin, 2017)

2.1.5 KAIN SARUNG

Sarung adalah pakaian tradisional masyarakat tempatan di Malaysia. Pemakaian sarung dipercayai sudah bertapak di bumi ini sejak kurun ke-15.

Apa yang difahamkan, kain sarung ialah sebidang kain lebar yang dijahit atau dicantum di kedua-dua punca sisi kain sarung (Nor Affizar Ibrahim, 2020).

Namun, ada juga definisi lain mengenai kain sarung. Siti Zainon Ismail, dalam buku *Busana Melayu Johor* (1997), menyatakan bahawa kain sarung ialah kain yang dipakai dengan melilit bahagian anggota badan, iaitu dada atau pinggang, diikat simpul atau memakai tali pinggang dan dibiarkan melabuh hingga paras lutut atau buku lali kaki.

Sementara Kamus Dewan, Dewan Bahasa Pustaka Edisi Ketiga 2000 pula mentafsirkan, kain sarung ialah kain yang hujungnya dijahit bersambung.

2.1.6 CINA PERANAKAN

Cina Peranakan Kelantan membawa maksud orang Cina yang lahir di negeri Kelantan dan menetap di sesuatu kawasan di dalam negeri ini. Mereka adalah golongan yang dikelaskan sebagai “local-born”. Golongan ini berbeza daripada penduduk Cina yang lain kerana mereka mempunyai budaya Cina Peranakan mereka sendiri.²⁰ Mereka berbeza dengan Baba dan Nyonya kerana golongan Baba dan Nyonya ini lebih merujuk kepada Cina yang lahir dan menetap di negeri-negeri selat seperti Pulau Pinang, Melaka dan Singapura²¹ (sebelum Singapura keluar dari Persekutuan Tanah Melayu). Selain itu, Cina Peranakan Kelantan juga bermaksud Orang Cina yang telah dilahirkan di Tanah Melayu khususnya di Kelantan di mana ibu atau bapanya berketurunan Cina. Mereka juga lebih dikenali dengan label “Cina Kampung” dalam kalangan masyarakat Kelantan²² kerana kebanyakan mereka tinggal di kawasan kampung atau kawasan luar bandar.

Cina Peranakan Kelantan ialah kumpulan minoriti dalam kumpulan etnik Cina Malaysia yang memperlihatkan tahap asimilasi yang tinggi

terhadap cara hidup masyarakat Melayu Kelantan, khususnya komuniti luar bandar, dan masyarakat Thai Kelantan yang rata-ratanya juga merupakan komuniti luar bandar.²⁴ Kesan daripada asimilasi ini, kebudayaan masyarakat Cina Peranakan Kelantan adalah berbeza dan berlainan dengan kebudayaan Masyarakat Cina Malaysia yang lain kerana telah memperlihatkan kacukan elemen-elemen Cina-Melayu-Thai. Status sosial Cina Peranakan Kelantan tidak jauh beza dengan masyarakat Kelantan. Mereka di gelar sebagai Cina kampung, yakni menyerupai masyarakat umum lain. Mereka juga berniaga, sama dengan masyarakat Melayu Kelantan. Mereka juga terdedah dengan pengaruh unsurunsur Islam terutama pengaruh Bahasa Arab dalam pertuturan seharian dalam dialek Kelantan. Contohnya mereka juga boleh menyebut 'sa-le' atau salam, pondok, 'ba-la-sah' atau madrasah / surau, 'se-ma-ye' atau sembahyang dan sebagainya yang akan diperjelaskan seterusnya nanti.(Mohd Roslan Mohd Nor, 2011).

2.1.7 KAIN

Kain merupakan hasil dari tenunan benang. Kain merupakan elemen utama dalam industri fesyen. Sementara fesyen, seperti yang kita tahu berubah mengikut masa, citarasa dan trend. Pereka-pereka fesyen yang sudah mempunyai nama di mata dunia biasanya mengolah fesyen melalui jenis kain yang di gunakan selain rekabentuk pakaian itu sendiri. Maka terciptalah fabrik-fabrik baru yang mempunyai pelbagai nama yang kebanyakannya diperbuat daripada bahan fiber seperti wool, silk, cotton, linen, polyester dan nylon atau gabungan dua atau lebih fiber semulajadi tersebut. Namun, pada zaman ini kebanyakan kain yang digunakan oleh orang kebanyakan diperbuat daripada

fiber sintetik seperti polister atau gabungan polister dan bahan fiber semulajadi tadi (Noraini Jusoh, 2012).

Kain benang kapas berwarna putih merupakan yang sesuai untuk membuat batik. Selepas diterap dengan lilin pertama, ia akan dicelup dengan warna yang gelap sedikit. Setelah itu, ia akan diterap untuk kali kedua dan kemudian dicelup dengan warna yang lebih gelap. Proses ini akan diteruskan hingga habis. Kain ini akan direbus dalam air yang mengandungi soda. Apabila direbus, warna-warna yang berlainan akan kelihatan. Kain batik ini kemudiannya akan dijemur hingga kering. Kain-kain batik yang sudah kering, akan digosok, dilipat dan dibungkus untuk dipasarkan.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

2.2 RUMUSAN BAB

NAMA RUJUKAN	Motif	Seni bina rumah Cina peranakan	Cina Peranakan	Batik blok	Kain Batik sarung
Nik Yusnita Nik Ahmed (2015)	/	x	x	/	/
Sharulnizam Ramli, Sabzali Musa Kahn , Mohd Nuri Yaacob (2018)	/	x	x	x	x
Rabiatuadawiyah Mohd Kari (2018)	/	x	x	/	x
Norlelawaty Haron	/	x	x	/	/
Abdullah jumain abu samah (1990)	/	x	x	/	x

Mohamad Shahrul Imran Lim (2013)	x	/	/	x	x
Nor Zainatul Syafieka (2020)	/	x	/	/	x
Muhammad Faris Abdul Fatah & Muhamad Faisal Ashaar (2020)	x	x	/	x	x
Hanapi Dollah Teo Kok Seong Mohamad Nazri Ahmad (2020)	x	/	/	x	x
Kajian yang dijalankan	/	/	/	/	/

Jadual 1: Analisis kajian lepas

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.0 PENGENALAN

Dalam menjalankan sesebuah penyelidikan, pengkaji telah menggunakan metod atau kaedah dalam mendapatkan data dan dapatan kajian. Pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif dimana kaedah kualitatif ini adalah penyelidikan yang berasaskan bertulis atau lisan. Jadi dalam pengumpulan data pengkaji menggunakan sumber primer dan sekunder. Sumber primer terdiri daripada kaedah lapangan, pemerhatian dan temu bual. Sumber sekunder pula adalah melalui kaedah internet dan kaedah perpustakaan. Kaedah melalui internet digunakan oleh pengkaji untuk mencari beberapa maklumat mengenai tajuk kajian iaitu Aplikasi motif seni bina rumah cina peranakan sebagai rekaan corak kain batik sarung melalui batik blok. Melalui internet, pengkaji dapat mencari maklumat melalui laman sesawang Google Scholar yang akan membantu pengkaji mencari contoh-contoh kajian lepas yang berkait dengan tajuk kajian yang dilakukan. Selain itu, pengkaji juga menggunakan kaedah perpustakaan dengan mencari pelbagai jenis buku seperti thesis, kamus, jurnal dan sebagainya yang berkait dengan tajuk kajian untuk dijadikan sebagai bahan rujukan dan juga bahan pengumpulan maklumat supaya pengkaji dapat menyiapkan kajian ini dengan tepat dan jelas

3.1 KAEDAH KAJIAN

Kaedah kajian ini adalah cara untuk mendapatkan maklumat tentang kajian dimana pengkaji akan menggunakan beberapa kaedah untuk menyelesaikan kajian ini. Terdapat beberapa kaedah yang digunakan dalam pengumpulan data untuk mendapatkan hasil data.

3.1.1 PENDEKATAN KUALITATIF

Kaedah kualitatif dapat ditentukan kerana kaedah ini akan meningkatkan beban kerja pencarian dan berikan bukti dan pemerhatian dalam bentuk tidak berangka yang merujuk kepada bukti statistik. Sebilangan besar kajian dalam bidang ini memberikan penerangan, penjelasan atau makna dalam proses komunikasi. Kaedah ini juga lebih banyak lagi yang cuba memberikan bukti mengenai sifat dan keadaan manusia melalui keseluruhan pandangan mengenai sebarang tingkah laku sosial. Dengan itu, penyelidikan kualitatif tidak menumpukan pada pengumpulan maklumat yang luas. Sebaliknya, kaedah ini cuba memfokuskan pada sampel yang kecil .(Azizah Hamzah, 2010)

Pendekatan kualitatif dalam penyelidikan ini adalah kajian kes, adalah suatu penyelidikan yang dilakukan terhadap suatu kesatuan sistem,sama ada yang berbentuk program mahupun kejadian yang terikat oleh tempat, waktu atau ikatan tertentu (Nana, 2005). Penyelidikan ini dilakukan untuk mengumpulkan data, memperoleh makna dan memahami kes tersebut. Proses pengumpulan data dinyatakan pada Cresswell (1998),yang digunakan untuk mengenal pasti laman web atau individu, memperoleh hak akses dan membuat catatan, pengambilan sampel yang disasarkan, mengumpulkan data, merakam maklumat, menyelesaikan masalah di tempat dan menyimpan data.

3.2 BATASAN KAJIAN

Dalam bab ini menjelaskan bahawa pengkaji tidak mampu untuk mengkaji sesuatu yang besar secara lebih khusus. Jadi, pengkaji ingin membataskan kajian ini supaya dapatan kajian dapat dengan lebih terperinci. Pengkaji hanya meletakkan skop dan ruang yang agak kecil dalam batasan kajian ini dimana pengkaji membataskan kajiannya dengan batasan lokasi, umur, dan waktu

3.2.1 BATASAN LOKASI

Pengkaji telah memilih Kelantan sebagai lokasi kajian untuk mendapatkan maklumat berkaitan kajian yang dijalankan. Pengkaji menjalankan kajian ini di Kelantan kerana ianya juga mengambil kira faktor dari segi kos, masa dan kemampuan pengkaji itu sendiri.

3.2.2 BATASAN UMUR

Melibatkan sebilangan masyarakat yang terdiri daripada golongan muda. Kajian ini terbatas kepada golongan muda yang berumur lingkungan 18 tahun hingga 35 tahun sahaja. Kajian ini juga terbatas terhadap golongan muda masyarakat Cina Peranakan di Kelantan.

3.2.3 BATASAN WAKTU

Batasan waktu merupakan tempoh kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Bagi kajian ini, pengkaji telah menjalankan kajian selama setahun iaitu dari tahun 2020 hingga 2021.

3.3 PENGUMPULAN DATA

Dalam pengumpulan data ini pula pengkaji menggunakan sumber primer dan sumber sekunder. Hal ini adalah untuk mendapatkan maklumat yang jelas bagi membantu untuk membuat kajian yang ingin dikaji oleh pengkaji.

3.3.1 Sumber primer

Data primer ialah sumber data yang diperoleh dari sumber aslinya dimana dibuat secara langsung seperti temu bual, pemerhatian, lapangan, dokumen dan sebagainya. kaedah pemerhatian Pemerhatian adalah satu kaedah memerhati, mencatat dan merekod peristiwa dan tingkahlaku dalam bidang yang dikaji. Walaupun pengkaji mengikuti tingkah laku subjek, pengkaji tidak mempengaruhi peserta kajian ke arah tingkah laku tertentu. Dengan penghayatan tersebut, pengkaji mempunyai persepsi yang benar mengenai maklumat yang dikumpul (Mohd. Majid 2000). Data yang diperolehi melalui pemerhatian dikenali sebagai nota lapangan dimana ia mengandungi maklumat terperinci mengenai apa yang diperhatikan.

Kajian Lapangan

Kajian lapangan ini adalah salah satu kaedah dimana pengkaji akan pergi ke tempat yang menjalankan perusahaan batik itu sendiri. Pengkaji melakukan penghasilan batik di Ruzz Gahara .

Kaedah temu bual

Pengkaji menggunakan kaedah temu bual bagi mengetahui maklumat tentang pendapat daripada orang cina peranakan itu sendiri iaitu Encik Cheng selaku timbalan setiausaha Persatuan Cina Peranakan Kelantan berkaitan dengan aplikasi motif seni bina rumah cina peranakan sebagai rekaan corak kain batik sarung melalui batik blok.. Oleh itu, pengkaji menemu bual Encik Cheng untuk mendapatkan maklumat berkaitan cina peranakan ini. Selain itu, Encik Cheng juga memberi maklum balas terhadap produk yang dihasilkan oleh pengkaji.

3.3.2 Sumber sekunder

Data sekunder adalah sumber data yang diperoleh melalui media pengantara atau sumber secara tidak langsung seperti buku, majalah, surat khabar, kamus dan sebagainya. Kaedah Sumber perpustakaan Pengkaji menggunakan kaedah perpustakaan yang memerlukan pengkaji untuk mendapatkan maklumat. Melalui kaedah ini, pengkaji mencari dan mengumpulkan bahan-bahan yang berkaitan seperti buku, jurnal, ensiklopedia dan juga artikel. Pengkaji juga telah mendapatkan maklumat dari hasil pembacaan tesis-tesis terdahulu yang berkaitan dengan tajuk kajian yang ingin dikaji oleh pengkaji.


Kaedah sumber internet

Pengkaji menggunakan kaedah internet dengan mencari maklumat yang berkaitan dengan kajian. Terdapat banyak maklumat yang boleh diperolehi melalui laman sesawang untuk membantu pengkaji mendapatkan maklumat berkaitan

dengan kajian yang dijalankan ini. Dengan melayari laman-laman web ini, pengkaji mendapatkan maklumat yang diperlukan dengan masa yang singkat sahaja. Pengkaji juga telah mencari berkaitan kajian-kajian lepas yang telah dijalankan oleh beberapa orang tokoh untuk mendapatkan maklumat yang tepat dan munasabah



3.4 CARTA ALIRAN METODOLOGI



3.5 INSTRUMEN DATA

Di bawah menunjukkan pengumpulan data yang telah dilakukan oleh pengkaji dalam menyiapkan kajian ini.

BIL.	JENIS DATA	INSTRUMEN
1.	Gambar-gambar yang berkaitan dengan kajian iaitu motif seni bina rumah Cina Peranakan Kelantan	- Kamera dan laman sesawang
2.	Temu bual untuk mendapatkan pendapat tentang penggunaan motif yang dipilih, teknik batik dan warna	- Mencatat perbualan - Merakam video - Telefon Bimbit/ Kamera
3.	Mendapatkan pendapat ahli / pakar	- Melalui buku yang berkaitan dengan kajian - Rujukan tesis terdahulu

4.	Mendapatkan pendapat mengenai batik dan warna melalui temubual di Rumah Gahara.	- Mencatat perbualan - Mengambil gambar dan video
5.	Pendapat golongan muda Cina Peranakan	- Membuat catatan dalam buku - Telefon bimbit/video

BAB 4

HASIL KAJIAN

4.1 PENGENALAN

Dalam bab ini, pengkaji ingin menekankan tentang proses pembangunan produk dimana pengkaji menghasilkan rekaan corak daripada pengaplikasian motif seni bina rumah cina peranakan. Seni bina rumah cina peranakan ini berbeza dibandingkan dengan rumah cina kebanyakan, termasuk peranakan baba nyonya melaka, singapura dan pulau pinang kerana gabungan seni bina melayu dan cina telah membentuk satu konsep atau topografi yang sekali gus mencerminkan kehidupan serta cara hidup mereka yang telah banyak menyerap pengaruh budaya melayu setempat. Rumah peranakan cina kelantan juga sebahagiannya menggunakan kayu cengal.

4.2 PERNYATAAN PEREKA

Kajian yang dijalankan adalah berkaitan seni bina rumah cina peranakan di Kelantan. Pengkaji telah memilih antara seni bina yang terdapat pada rumah tersebut adalah seni bina berbentuk seperti kelarai. Dengan bentuk itu pengkaji telah menghasilkan rekaan corak atas kain batik sarung tersebut. Selain itu juga, pengkaji menggabungkan corak bunga teratai dalam hasil rekaan coraknya. Hal ini kerana bunga teratai juga antara bunga yang diguna pakai oleh masyarakat cina peranakan. Produk yang dihasilkan oleh pengkaji adalah kain batik sarung untuk golongan muda masyarakat cina peranakan. Pengkaji memilih untuk menghasilkan kain batik sarung


ini kerana masyarakat cina peranakan ini tidak mempunyai kain batik sarung mereka yang tersendiri. Mereka hanya memakai kain batik sarung melayu sebagai pakaian tradisi mereka. Oleh sebab itu, pengkaji menghasilkan produk kain batik sarung ini agar mereka dapat menggayakan dengan memakai kain batik sarung mereka yang tersendiri.

4.3 PEMBANGUNAN IDEA

Berdasarkan subjek kajian, pengkaji telah menggunakan seni bina rumah cina peranakan sebagai rekaan corak pada kain batik sarung. Pengkaji juga telah menggabungkan motif kelarai yang terdapat pada rumah Cina Peranakan dan juga motif bunga teratai bagi menghasilkan rekaan corak pada kain batik sarung Cina Peranakan. Penggunaan motif kelarai diletakkan bahagian badan kain dan kepala kain manakala motif bunga teratai diletakkan dibahagian pengapit kain dan kaki kain.

4.3.1 SUBJEK KAJIAN

Gambar dibawah menunjukkan subjek kajian yang digunakan oleh pengkaji untuk dijadikan rekaan corak kain batik sarung. Subjek kajian ini terdapat pada seni bina rumah Cina Peranakan di Kelantan. Seni bina ini di panggil sebagai kelarai dan ianya terdapat pada dinding rumah cina peranakan tersebut.




Rajah 4.1 : Seni bina rumah Cina Peranakan Kelantan (Kelarai)




Rajah 4.2: Seni bina rumah Cina Peranakan kelantan

4.3.2 Lakaran motif yang dipilih


Gambar di bawah ini merupakan motif yang telah dilakr untuk dijadikan rekaan corak kain batik sarung. Lakaran ini juga akan disusun atas kain batik sarung dengan menggunakan teknik blok.




Motif pilihan 1




Motif pilihan 2 (dipilih)



Motif pilihan 3 (dipilih)



Motif pilihan 4 (dipilih)




Motif pilihan 5 (dipilih)


UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN




Rajah 4.3 : Blok Motif Bahagian Kepala Kain.



Rajah 4.4 : Blok Motif Bahagian Badan Kain.



Rajah 4.5 : Blok Motif Bahagian Kaki Kain.



Rajah 4.6 : Blok Motif Bahagia Pengapit Kain.


4.3.3 MOODBOARD

Berikut merupakan moodboard yang dibuat berdasarkan pengaplikasian motif seni bina rumah cina peranakan sebagai rekaan corak kain batik sarung. *Moodboard* ini adalah satu media atau katalog yang menunjukkan sebuah gambar dan penjelasan idea yang pengkaji hasilkan. Dalam moodboard ini juga terdapat gambar yang berkaitan kajian yang dijalankan oleh pengkaji iaitu dari segi motif, warna dan produk yang dihasilkan.




Rajah 4.7: Moodboard berkaitan kajian yang dibuat oleh pengkaji iaitu Aplikasi motif seni bina rumah Cina Peranakan sebagai rekaan corak kain batik sarung melalui Batik Blok.


4.3.4 OLAHAN PERLETAKKAN MOTIF




Olahan perletakkan motif pilihan 1



Olahan perletakkan motif pilihan 2



Olahan perletakkan motif pilihan 3



Olahan perletakkan motif pilihan 4

4.4 PEMILIHAN MATERIAL



Rajah 4.8: Kain cotton Prime

Pengkaji menggunakan material jenis cotton prime untuk menghasilkan kain batik sarung ini. Kain ini asalnya daripada serat kapas. Kain ini juga merupakan jenis fabrik yang amat sesuai untuk dipakai dengan iklim cuaca panas dan lembab seperti di Malaysia ini. Oleh sebab itu pengkaji memilih kain jenis cotton prime ini untuk menghasilkan kain batik sarung.

4.5 PEMILIHAN WARNA

Warna yang telah dipilih dalam menghasilkan produk kain batik sarung ini adalah warna yang berkait dengan Cina Peranakan. Cina Peranakan khususnya di Kelantan ini mereka lebih menggunakan warna-warna yang terang seperti merah, hijau, kuning dan sebagainya. Hal ini didapati dari hasil temu bual bersama Encik Cheng mengatakan warna-warna tersebut golongan masyarakat Cina Peranakan ini menggunakannya apabila dikenakan pada kain batik sarung ini. Bagi warna yang cerah sesuai untuk majlis yang ceria manakala warna yang gelap sesuai digunakan ketika majlis yang suram.



Pilihan warna yang diguna oleh pengkaji untuk kain batik sarung

4.6 PROSES PENGHASILAN

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh pengkaji, pengkaji telah ditugaskan untuk menghasilkan produk yang berasaskan batik iaitu kain batik sarung. Pengkaji menghasilkan kain batik sarung sebanyak empat helai dimana ianya menggunakan teknik batik cop. Antara empat helai kain sarung tersebut, pengkaji menggunakan beberapa teknik dalam membuat pewarnaan terhadap kain tersebut. Antara teknik pewarnaan yang diguna oleh pengkaji adalah seperti teknik celupan, sapuan, *tye and dye* dan *rainbow*. Kain batik sarung yang dihasilkan oleh pengkaji adalah untuk golongan muda dan dikhususkan kepada masyarakat cina peranakan di Kelantan. Oleh itu, terdapat beberapa proses yang dilakukan oleh pengkaji dalam penghasilan kain batik sarung tersebut.

4.6.1 Proses mengukur kain

Sebelum pengkaji mengecop kain batik sarung, pengkaji perlu mengukur kain supaya mengikut ukuran yang betul mengikut bahagian yang ingin dicop. Hal ini kerana kain batik sarung ini terdapat beberapa bahagian iaitu badan kain, kepala kain, gigi kain, serta pengapit kain. Kain ini juga diukur adalah supaya setiap bahagian yang dicop menjadi tepat seperti mengikut ukuran kain batik sarung yang sebenar.



Pengkaji sedang mengukur kain untuk di cop

4.6.2 Proses mengecop kain

Pengkaji mengecop kain cotton untuk membuat batik sarung yang berukuran 2 meter dengan menggunakan blok yang telah ditempah mengikut motif yang telah dipilih iaitu motif seni bina rumah cina peranakan yang berbentuk seperti kelarai. Pengkaji mengecop kain batik sarung dengan menghasilkan empat rekaan untuk empat helai kain.



Pengkaji sedang mengecop kain menggunakan blok yang bermotifkan seni bina

rumah Cina Peranakan

MALAYSIA

KELANTAN

4.6.3 Proses bancuhan warna

Pengkaji telah menggunakan warna campuran. Warna campuran ini dihasilkan dengan menggunakan serbuk pewarna. Proses bancuhan warna campuran ini juga mengambil masa untuk mendapatkan warna yang diinginkan berdasarkan pemilihan warna yang dibuat oleh pengkaji untuk digunakan pada kain batik sarung.



Pengkaji sedang membancuh warna untuk dicuba menggunakan cebisan lebihan kain untuk memastikan warna yang diinginkan menjadi

4.6.4 Proses mewarna atas kain

Pengkaji membuat teknik celupan warna, sapuan warna, tye and dye dan rainbow. Pengkaji menggunakan teknik tersebut untuk kain batik sarung yang dihasilkan. Teknik celupan dan sapuan warna dilakukan sebagai warna latar pada kain. Teknik tye and dye pula dilakukan selepas selesai sapuan warna latar untuk dijadikan sebagai warna kedua atas kain batik sarung tersebut. Teknik rainbow pula adalah dengan menggunakan tiga warna dan disapu atas kain tersebut untuk menampakkan gabungan tiga warna yang digunakan itu.



Pengkaji melakukan proses sapuan warna atas kain (produk akhir 1 dan 2)


KELANTAN



Teknik pewarnaan Tye-Dye (produk akhir 3 dan 4)

4.6.5 Proses mematikan warna

Pengkaji mencelup kain tersebut di dalam campuran silikat setelah selesai melakukan pewarnaan atas kain. Tujuan proses ini dilakukan adalah untuk mematikan warna tersebut agar warna pada kain tersebut tidak luntur. Proses ini dilakukan sekurang-kurangnya mengambil masa selama satu jam.



Pengkaji sedang mencelup kain didalam silikat untuk mematikan warna

4.6.6 Proses merebus dan membasuh kain

Proses ini adalah dimana pengkaji mencelup kain dalam air rebusan campuran sodium carbonate. Proses ini dilakukan adalah untuk membuang lilin hasil yang telah dicop. Setelah selesai proses ini dilakukan, pengkaji akan membasuh kain tersebut. Ketika membasuh kain itu, pengkaji perlu supaya tiada kesan lilin yang tertinggal pada kain tersebut.



Tempat merebus kain



Pengkaji sedang membasuh kain yang telah di silikat dan di rebus.

KELANTAN

4.6.7 Proses mengeringkan kain

Pengkaji menjemur kain yang telah dibasuh dari selesai proses mematikan warna. Proses menjemur ini dilakukan di tempat yang terbuka agar kain tersebut akan cepat kering.



Proses mengeringkan kain setelah siap dibasuh

4.7 PRODUK AKHIR

Bab ini pengkaji menunjukkan hasil produk akhir yang telah dihasilkan. Produk yang dihasilkan ini merupakan kain batik sarung yang menggunakan teknik batik blok. Batik ini dihasilkan daripada pengaplikasian motif seni bina rumah cina peranakan yang berbentuk seperti kelarai. Kain batik sarung ini dihasilkan untuk masyarakat cina peranakan khususnya di negeri kelantan yang terdiri daripada golongan muda.



Produk akhir 1



Produk akhir 2



Produk akhir 3



Produk akhir 4

4.8 MAKLUMBALAS TEMU BUAL TENTANG PRODUK AKHIR

Pengkaji telah menghasilkan produk kain batik sarung sebanyak empat helai. Kain batik sarung tersebut terhasil dengan menggunakan teknik batik blok dari pengaplikasian motif seni bina rumah Cina Peranakan. Pengkaji telah membuat temu bual bersama dengan Encik Cheng selaku timbalan setiausaha Persatuan Cina Peranakan Kelantan untuk mendapatkan maklumbalas dari beliau tentang kain batik sarung tersebut. Encik cheng memberitahu kepada pengkaji berkaitan kain batik sarung tersebut dari segi warna, dan motif yang digunakan oleh pengkaji.

Hasil temu bual yang dibuat oleh pengkaji bersama Encik Cheng adalah berkaitan warna yang dihasilkan oleh pengkaji atas kain batik sarung itu. Menurut beliau, warna tersebut merupakan warna yang dipakai oleh masyarakat Cina Peranakan. Beliau juga memberitahu bahawa warna yang terang, cerah atau lembut sesuai digunakan ketika majlis keramaian yang ceria manakala warna yang gelap mereka hanya memakainya pada majlis yang suram. Oleh itu, warna yang dihasilkan pada kain batik sarung oleh pengkaji ini masyarakat Cina Peranakan mahu memakainya mengikut majlis yang sesuai.

Selain itu, pengkaji juga menemubual Encik Cheng berkaitan motif seni bina rumah Cina Peranakan yang pengkaji guna sebagai rekaan corak kain batik sarung. menurut beliau motif seni bina bina yang dipilih sebagai rekaan corak itu dinamakan kelarai. Seni bina itu terletak pada dinding rumah cina Peranakan. Encik Cheng juga berkata dari segi motif, masyarakat Cina Peranakan ini tidak memilih sama ada berbentuk flora atau geometri untuk menggunakannya. Bagi motif fauna pula mereka tidak digalakkan untuk menggunakannya

Di samping itu, menurut Encik Cheng ini juga beliau memberitahu bahawa Cina Peranakan ini tiada kain batik sarung mereka yang tersendiri. Mereka hanya memakai kain batik sarung melayu dan juga kain batik jawa. Masyarakat Cina Peranakan itu kebiasaanya mengenakan kain batik sarung bersama dengan baju kebaya.

Oleh itu, kajian yang dibuat oleh pengkaji berjaya kerana berjaya menghasilkan kain batik sarung untuk Cina Peranakan setelah dapat maklumat daripada hasil temu bual bersama dengan Encik Cheng selaku timbalan setiausaha Persatuan cina Peranakan Kelantan.

BAB 5

CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 PENGENALAN

Bab ini pengkaji akan membuat kesimpulan kajiannya berdasarkan permasalahan kajian, persoalan kajian dan objektif kajian. Pengkaji telah mengkaji tajuk yang berkaitan aplikasi motif seni bina rumah cina peranakan sebagai rekaan corak kain batik sarung.

5.2 CADANGAN

Berdasarkan keseluruhan kajian yang dilaksanakan, pengkaji mendapati bahawa semua objektif kajian dapat dijawab dengan baik. Oleh itu, terdapat beberapa cadangan kepada pengkaji baru, industri dan juga negara untuk penambahbaikan dalam penghasilan kain batik sarung untuk golongan muda masyarakat Cina peranakan.

5.2.1 Pengkaji Baru

Antara cadangan yang pengkaji ingin perkenalkan adalah motif seperti yang digunakan oleh pengkaji ini haruslah di ketengahkan dalam penghasilan batik. Hal ini kerana kebanyakan motif batik lebih tertumpu pada flora dan fauna. Oleh itu, penggunaan motif yang diambil dari seni bina rumah ini juga boleh diperluaskan lagi untuk dijadikan rekaan corak batik. Secara tidak langsung, pengkaji yang baru akan mengkaji lebih mendalam tentang motif seperti ini.

5.2.2 Industri

Selain itu, cadangan yang pengkaji ingin perkenalkan adalah bagi industri batik mereka juga haruslah meningkatkan lagi pengayaan motif rekaan corak batik. Hal ini kerana ia dapat menarik minat semua golongan sama ada muda atau tua untuk memakai pakaian yang berasaskan batik ini. Secara tidak langsung ianya dapat meneruskan warisan batik untuk generasi akan datang supaya mereka kenal dengan batik.

5.2.3 Negara

Cadangan seterusnya adalah, bagi pihak yang berkenaan juga perlulah menitikberatkan kepada masyarakat tentang batik ini. Hal ini kerana ianya dapat mengekalkan warisan batik dalam diri masyarakat dan mereka tidak akan memandang rendah terhadap produk yang berasaskan batik ini. Selain itu juga ianya boleh menonjolkan lagi warisan batik ini kepada negara luar apabila masyarakat menggunakan produk yang berasaskan batik ini.

5.3 KESIMPULAN

Kain batik sarung yang telah dihasilkan diarahkan kepada golongan muda untuk masyarakat Cina Peranakan di Kelantan. Dengan pendekatan yang saya perkenalkan ini saya berharap golongan muda dalam masyarakat Cina Peranakan minat untuk memakai kain batik sarung. Hal ini kerana mereka masih tiada lagi kain batik khusus untuk masyarakat mereka sendiri. Apabila adanya kain batik sarung untuk golongan masyarakat Cina Peranakan ini, mereka dapat memperagakan pemakaian mereka dengan memakai kain batik sarung bersama baju kebaya. Oleh itu, secara tidak langsung industri batik tempatan juga dapat dikekalkan demi untuk generasi akan datang.

RUJUKAN

- Abdullah, M. S. I. L. (2014). JATI DIRI KAUM DAN PERPADUAN: KAJIAN KES CINA PERANAKAN KELANTAN DI MALAYSIA/ETHNIC IDENTITY AND NATIONAL UNITY: A CASE STUDY OF KELANTAN PERANAKAN CHINESE IN MALAYSIA. *Kajian Malaysia*, 32(1), 119.
- Abd Wahab, N. (2017). PERKEMBANGAN KEGIATAN PERUSAHAAN TEKSTIL DALAM KALANGAN MASYARAKAT MELAYU DI TERENGGANU, 1900-1941. *SEJARAH: Journal of the Department of History*, 21(1).
- Ahmed, N. Y. N. (2015). Sumbangan Che Su dan keluarga kepada pembangunan perusahaan batik di Kelantan (Doctoral dissertation, University Malaysia Kelantan).
- Akhir, N. H. M., & Ismail, N. W. (2015). Permasalahan Dalam Pembangunan Industri Batik Di Terengganu. *PROSIDING PERKEM*, 10, 239-246.
- Hanapi Dollah, 1979. Latar belakang sejarah komuniti Cina Kampung di Kelantan dalam Malaysia dari segi sejarah. *Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia*.
- Hamdani, N. A. (2020). KAJIAN KONSEPTUAL DAYA SAING IKM BATIK DI INDONESIA. *Journal Civics & Social Studies*, 4(2), 25-39.
- Hassan, S. A. A., & Hanafiah, M. G. (2018). Teknologi pemprosesan batik Melayu di Kelantan. *Jurnal Wacana Sarjana*, 2(2), 1-8.
- Kari, R. M., Samin, M. A., & Legino, R. Sustainability of Traditional Motifs in Malaysian Batik Block.
- Ismail, A., Hasan, A., & Mohamed Roshdi, S. (2016). Alam sebagai sumber reka bentuk motif-motif seni hiasan fabrik masyarakat melayu/Abd. Rasid Ismail, Ahmadrashidi Hasan dan Shahariah Mohamed Roshdi.
- Kari, R., Samin, M. A., & Legino, R. (2020). The Flora Motif as Design Identity in Local Traditional Block Batik. *Environment-Behaviour Proceedings Journal*, 5(SI3), 123-127.

Legino, R. (2004). A study of the Islamic influence on traditional Malay Batik Sarongs of Kelantan and Terengganu (Doctoral dissertation, Universiti Teknologi MARA).

Nor, M. R. M., & Hasan, H. (2010). Kebolehan Bahasa Masyarakat Cina Peranakan Kelantan. *Jurnal Usuluddin*, 31, 115-133.

Noor Arfa. (2018). 4 Motif Popular Malaysia: <http://www.noorarfa.com/4-motif-batik-popular-malaysia/>.

Nurul Husna Mahmud. (2019, 24 Julai). Legasi Batik Pok Mud. MyMetro Online. Bahan diakses pada 24 Julai 2019. daripada <https://www.hmetro.com.my/nuansa/2019/07/478822/legasi-batik-pok-mud-metrotv>

Pustaka, D. B. (2010). Kamus Dewan Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ramli, S., Kahn, S. M., & Yaacob, M. N. (2018). REPRESENTASI MOTIF BATIK LUKIS DI NEGERI PAHANG: SATU KAJIAN LITERATUR. *Jurnal Pengajian Melayu/Journal of Malay Studies (JOMAS)*, 29(1), 201-222.

SAMAH, A. J. A. (1990). Batik: Sejarah dan Keistimewaan Tekniknya. *Akademika*, 37(1).

Senat, B., & Majlis, B. ARKEOLOGI, SEJARAH DAN BUDAYA.

Siti Khadijah Farhah, S. (2019). *Motif dan warna dalam budaya Cina peranakan: Kajian kes ke atas kasut manik tradisional*/Siti Khadijah Farhah Sulaiman (Doctoral dissertation, University of Malaya).

Siti Nadzirah Che Mud. (2016, 2 Januari). Khazanah Batik Blok. MyMetro Online. Bahan diakses pada 2 Januari 2016. daripada <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2016/01/104326/khazanah-batik-blok>

Zakaria, M. Z. (2004). Perusahaan batik di Kelantan: masalah dan prospek/Mohd Zaki bin Zakaria (Doctoral dissertation, University of Malaya).

LAMPIRAN



Tempat membuat bancuhan warna



Pemidang untuk mencanting batik




Tempat rebusan kain



Tempat memblok batik



Tempat basuhan kain setelah siap proses disilikat dan direbus



Tempat membuat proses silikat kain